

Berjudi di tempat awam, dua lelaki didenda

MIRI: Dua lelaki ter-
masuk seorang warga emas
masing-masing didenda
RM1,800 dan RM2,000
atau sebulan penjara oleh
Mahkamah Majistret se-
malam setelah mengaku
bersalah atas tuduhan
bermain judi di tempat
awam.

Pang Chok Ming, 43, dari
Desa Pujut di sini dan Roy
Roland Mathew Jamuh, 58,

dari Jalan Green, Kuching,
telah didakwa mengikut
Seksyen 7 (2) Akta Rumah
Judi Terbuka 1953 (Akta
289).

Mengikut kesalahan ini,
mereka boleh didenda
tidak melebihi RM5,000
atau penjara sehingga enam
bulan atau kedua-duanya
sekali, jika sabit kesala-
han.

Menurut keterangan

kes, kedua-dua tertuduh
didapati telah bermain judi
jenis judi dalam talian di
tempat awam.

Pang didakwa melakukan
kesalahan itu pada jam
2.30 petang, 5 April lalu di
sebuah laluan berdekatan
Emart Tudan, Jalan Tudan
di sini.

Sementara itu, Roy di-
dakwa melakukan kesala-
han itu pada jam 2 petang,

5 April lalu di laluan
belakang sebuah kedai di
Lorong 2A, Jalan Dato
Permaisuri 3C di sini.

Pertuduhan kes telah
dibacakan secara beras-
ingan kepada kedua-dua
tertuduh.

Pendakwaan dilakukan
Inspektor Mudzilawati
Abdul Rahman di hadapan
Majistret Nazira Adlin
Ahmad Khairul Razi.